



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN ERATKAN HUBUNGAN SESAMA KOMUNITI

**LABUAN, 25 Februari 2017 –** Kira-kira 3,000 penduduk Labuan menghadiri program Kenduri 1Wilayah Persekutuan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Labuan (PL) yang diadakan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan serta pemimpin-pemimpin tempatan turut hadir turun padang untuk berjumpa penduduk Labuan di program tersebut.

Pelbagai inisiatif untuk membantu meningkatkan kesejahteraan hidup penduduk Labuan telah dilaksanakan oleh Kerajaan seperti usaha penambahan infra-infra projek pembangunan bagi menaiktaraf produk pelancongan di Labuan. Kelebihan yang ada di Labuan ini boleh digunakan sepenuhnya untuk melebarluaskan projek pembangunan pelancongan ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, Kementerian juga bakal membina rumah mampu milik di Labuan bagi memberi peluang kepada komuniti setempat untuk memiliki rumah di bawah harga RM300 ribu seunit dan diskaun tambang feri sebanyak 50 peratus tetap diteruskan bagi mengurangkan beban kos sara hidup pada ketika ini.

Kenduri 1Wilayah Persekutuan ini merupakan program *signature* sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan di bawah kluster program mesra rakyat yang diadakan di 13 lokasi mengikut Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Di Labuan, para penduduk dari pelbagai kampung bersama-sama bergotong-

royong menyediakan masakan dan menjalankan pelbagai aktiviti seperti pertandingan keceriaan khemah memasak, pertandingan mewarna dan melukis peringkat kanak-kanak, gerai pameran dari agensi Kerajaan dan swasta serta cabutan bertuah. Semua aktiviti yang dilaksanakan ini mendapat kerjasama daripada Pusat Khidmat Masyarakat, badan-badan bukan Kerajaan, Persatuan Penduduk, Dewan-Dewan Perniagaan dan Majlis Perwakilan Penduduk. Hasil kerjasama yang dilaksanakan ini membolehkan program seperti ini dijalankan dengan lebih mantap, menjimatkan kos dan masa.

Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan ini dipilih menjadi lokasi penganjuran Kenduri 1Wilayah Persekutuan pada tahun ini kerana kawasan yang strategik dan selesa dilengkapi dengan kemudahan awam. Penduduk juga mudah untuk akses ke kawasan ini kerana berdekatan dengan kediaman dan pusat bandar. Program ini turut menjadi landasan dalam usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan.

Penganjuran Kenduri 1Wilayah Persekutuan bertujuan untuk menyemai serta membudayakan semangat kerjasama, keharmonian dan integrasi kaum. Di samping itu, program ini juga menjadi salah satu instrumen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan khususnya di Wilayah Persekutuan.

Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Segambut dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan ceria.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat, KWP

Labuan

25 Februari 2017